

Warga PL diseru terap nilai Wilayah Prihatin dalam tugas

PERBADANAN Labuan (PL) diseru untuk sentiasa mengutamakan usaha dalam menyelesaikan permasalahan penduduk pulau bebas cukai itu dan pembangunan serta ekonomi di Labuan menerusi Konsep Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin.

Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** berkata, melalui 13 bidang Cakna yang telah dilaksanakan di Wilayah Persekutuan menjadi payung kepada dasar, program dan perkhidmatan yang dilaksanakan kepada golongan sasaran sekali gus menjadi kompas baru hala tuju Wilayah Persekutuan.

"Tujuan kita adalah untuk menjadikan pentadbiran agensi-agensi di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan menghayati secara jujur dan ikhlas dan perkataan Prihatin itu datangnya

daripada hati bermaksud keikhlasan dan jujur dalam melakukan apa-apa kerja," katanya.

Beliau berkata, sedemikian ketika menyampaikan amanat di Majlis Sesi Town Hall bersama warga Perbadanan Labuan di Dewan Serbaguna PL, baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau berharap penjenamaan itu mendapat sokongan dan dihayati sepenuhnya dan seterusnya Wilayah Prihatin dapat menjadikan jenama yang kuat sehingga dikenali pentadbirannya yang prihatin.

Terdahulu, Annuar turut melancarkan sebuah Pasukan Prihatin PL dan menyerahkan vest kepada pasukan tersebut yang akan bertugas menangani dan mengambil tindakan segera terhadap aduan yang diterima tanpa mengira masa. **W K**



ANNUAR (tengah) merasmikan Wilayah Prihatin ditemani Pengerusi PL, **Datuk Seri Amir Hussin** (kiri) dan **Dr Fary Akmal Osman** (kanan).